



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

www.mqa.gov.my

OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA_Malaysia




NO GIFT POLICY

Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld. 107 (4B)
Tarikh : 24 JAN 2019

YBhg. Profesor Ts. Dr. Wahid bin Razzaly
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Parit Raja
86400 Batu Pahat
JOHOR DARUL TAKZIM



P(CAD)
U.M
ce: TAC(CAA)

YBhg. Profesor,

PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM DOKTOR
PENDIDIKAN (MQA/PA 10826)

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) yang bermesyuarat pada 30 Oktober 2018 telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.

3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk memberi Perakuan Akreditasi Sementara selama 5 tahun bermula dari tarikh surat ini.

4. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA setelah kohort pertama pelajar menyediakan draf tesis atau telah menjalani viva voce. Pihak MQA boleh melaksanakan pemantauan program tersebut dalam tempoh Perakuan Akreditasi Sementara diberikan.

5. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi Pn. Juliana Mohamed Salleh di talian 03-8688 3710 atau e-mel: juliana@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Rahmah Binti Mohamed

(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)



Tahrirah
FPTV + CAD

Pn Faizal

- ① Uth hebahe emel
- ② Uth upload dlm aelbfpv

BASK/JMS/mam
No semakan: 01(L25PK02)
Tarikh Kualkuasa: 11 September 2017

TDP

Sia hebahe jys
semua ssaf akaademi.

[Signature] 14/2/19

SOARING UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

18/2/19

s.k.: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Fail MQA.600-2/2/7515

LAMPIRAN A

PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA

1. No. Rujukan Program : MQA/PA 10826

2. Maklumat Program

- Nama Program : Doktor Pendidikan
- Tahap Program : Ijazah Kedoktoran / Tahap 8
Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)
- Nama dan Alamat PPT : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja
Batu Pahat
Johor Darul Takzim
- Bidang Program : 140 – *Teacher training and education science*
- Bahasa Pengantar : Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
- Kaedah Penawaran : Konvensional
- Mod Program : Sepenuh Masa dan Separuh Masa
- Kaedah Pengajaran : Kuliah, Penyediaan Tesis dan Seminar/Kolokium
- Struktur Program : Kerja Kursus
- Taraf Pelaksanaan : Sendiri
- Kredit Bergraduat : 82 Kredit
- Tempoh Program :

	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Semester Panjang	Semester Pendek	Semester Panjang	Semester Pendek
Bil. Minggu	17	-	17	-
Bil. Semester	6	-	8	-
Bil. Tahun	Minimum 3 tahun dan Maksimum 7 tahun		Minimum 4 tahun dan Maksimum 9 tahun	

- Institusi Penganugerahan: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

▪ **Kelayakan Masuk:**

- i. Ijazah Sarjana (Tahap 7, KKM) yang diiktiraf oleh Senat PPT; atau
- ii. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengan Ijazah Sarjana (Tahap 7, KKM) yang diterima oleh senat PPT.

Dan beserta dengan syarat khas Fakulti di mana bagi program Doktor Pendidikan (Tahap 8, KKM) adalah seperti berikut:

- i. Mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan/peguruan sama ada di peringkat Sijil (Tahap 3, KKM), Diploma (Tahap 4, KKM), Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, KKM) atau Ijazah Sarjana (Tahap 7, KKM); atau
- ii. Mempunyai pengalaman mengajar secara formal dengan tempoh masa sekurang-kurangnya 1 tahun di mana-mana institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

3. Syarat-syarat Umum:

- 3.1 Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dinasihatkan untuk memohon kelulusan pengendalian program daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (JPT, KPM).
- 3.2 PPT hendaklah meningkatkan kualiti pengendalian program sedia ada dari semasa ke semasa..
- 3.3 Memastikan program yang ditawarkan memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia.
- 3.4 Mematuhi Penggunaan/Pemakaian Standard yang berkaitan dengan bidang program seperti yang telah dimaklumkan dalam Pekeliling dan Surat Pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) yang berkenaan.
- 3.5 Sebarang perubahan pelaksanaan program (jumlah kredit, tempoh program, pengajaran dan pembelajaran serta lain-lain yang berkaitan) perlu mendapat kelulusan daripada JPT, KPM terlebih dahulu sebelum perubahan tersebut dapat dilaksanakan oleh PPT bagi mengelakkan masalah semasa penilaian program di peringkat Akreditasi Penuh.

4. Syarat Khusus:

Tiada.

5. Cadangan Penambahbaikan:

Tiada.